



Dasar

**SUKANAN
NEGARA**



DASAR SUKAN NEGARA

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

1. MUKADIMAH

- 1.1 Dasar Sukan Negara ini merupakan kenyataan ringkas akan tujuan, matlamat serta strategi dan cita-cita Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhubungan dengan sukan yang merangkumi kedua-dua sektor program dan aktiviti yang biasa dirujukan sebagai (a) “Sukan Untuk Masyarakat” (SUM) dan (b) “Sukan Prestasi Tinggi” (SPT).
- 1.2 Dasar ini digubal atas beberapa sebab-sebab antaranya: -
 - 1.2.1 Sukan dan sebagainya merupakan sebahagian aktiviti hidup rakyat dan penduduk yang memberi manfaat kepada individu, masyarakat dan perhubungan antarabangsa.
 - 1.2.2 Sukan perlu mendapat pengiktirafan yang sewajarnya sepertimana keperluan asasi yang lain, umpamanya pendidikan sebagai kegiatan pembangunan negara – antara lain, membina sebuah masyarakat yang berdisiplin, cergas, sihat dan BERDIKARI;
 - 1.2.3 Pembangunan sukan dan kemajuan sukan adalah tanggungjawab bersama antara Kerajaan yang terdiri daripada persatuan/pertubuhan belia dan sukan, bergerak secara sukarela dengan peranan dan tanggungjawab yang perlu diselaraskan; dan
 - 1.2.4 Hasrat untuk memajukan sukan antarabangsa lagi sukan tanahair melalui penyertaan yang seluas-luasnya dan mempertingkatkan kecermelangan di peringkat antarabangsa.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Aktiviti sukan dan rekreasi telah sekian lama menjadi sebahagian cara hidup rakyat dan penduduk negara ini yang berkembang hingga menghasilkan kepimpinan dan organisasi secara sukarela dalam tahun-tahun lima puluhan. (persatuan Olahraga Amatur Brunei ditubuhkan pada tahun 1953 dan persatuann Bolasepak pada tahun 1956). Kini kira-kira 32 jenis sukan mempunyai persatuan. Sukan kebangsaan dan lebih daripada 150 pertubuhan / kelab sukan dan belia menjalankan aktiviti sukan. Majlis Sukan Brunei yang telah ditubuhkan pada tahun 1975 dan dibubarkan pada tahun 1987 bertujuan mengambung dan menyelaraskan Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan. Peranannya diambil alih oleh Majlis Olimpik Antarabangsa dan mewakili Negara dalam temasya /kejohanan anjuran / naungannya.
- 2.2 Aktiviti sukan di sekolah dan intitusi pelajaran tinggi dirancang dan diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan, termasuk persediaan dan penyertaan di Kejohanan peringkat ASEAN. Kementerian ini sedang merancang dan melaksanakan beberapa program pembangunan yang positif untuk melahirkan kumpulan atlit yang bermutu dan supaya dapat diselaraskan dengan program pembangunan sukan yang beraskan kesinambungan.
- 2.3 Jabatan-jabatan Kerajaan, Gedung-gedung Perniagaan dan kelab-kelab Belia dan Sukan dan rekreasi untuk faedah pegawai dan kakitangan ahli kelab.
- 2.4 Di pihak kerajaan usaha memimpin dan menyelaraskan aktiviti sukan bermula secara rasmi pada tahun 1974 dengan penubuhan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan dengan tugas sseperti berikut: -
 - (a) mengawasi, mengatur langkah-langkah mengelola, mentadbir dan melaksanakan rancangan-rancangan mengenai dengan kebajikan, Belia dan Sukan dengan tugas seperti berikut: -
 - (b) merancang dan memajukan sukan secara terpinpin dan terkawal dengan tujuan supaya dapat membentuk masyarakat yang kukuh dan bersatu padu, kukuh bukan saja dari segi tubuh badan ahli-ahli masyarakat itu tetapi juga dari segi tubuh pendirian dan semangat mereka sesuai dengan kehendak-hendak masyarakat dan Negara Brunei Darussalam.

2.5 Pada tahun 1984 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah ditubuhkan untuk memperkukuhkan lagi kepimpinan, pelaksanaan dasar penyelarasan program.

2.6 Pada keseluruhannya penyertaan masyarakat dalam sukan dan rekreasi semakin bertambah melalui berbagai rancangan dan kemudahan sukan yang disediakan/ dalam proses pembinaan/perancangan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Di sektor "Sukan Untuk Masyarakat" banyak lagi yang perlu diungkuhkan bagi memperluaskan penyertaan yang lebih aktif dan menghasilkan satu tapak dan landasan yang kukuh ke arah kecemerlangan. Di sektor "Sukan Prestasi Tinggi", walaupun beberapa kemajuan telah di capai tetapi jika dibandingkan dengan negara-negara di rantau ASEAN kemampuan atlit dan pasukan negara amat terhad dan jauh ketinggalan. Rajah A menunjukkan pencapaian kontingen negara di Sukan SEA 1977-1989.

PENCAPAIAN KONTIGEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI SUKAN SEA (1977 – 1989)

PINGAT	LUMBA PERAHU XX	KARATE-DO	MENEMBAK	OLAHRAGA	SILAT OLAHRAGA XX	TAEKWANDO	TINJU	JUMLAH PINGAT
EMAS				0			0	3
PERAK				0			0	
GANGSA				1 X			2	
EMAS							0	1
PERAK							1	
GANGSA							0	
EMAS								
PERAK								
GANGSA								
EMAS							0	5
PERAK							0	
GANGSA							5	
EMAS							0	3
PERAK							0	
GANGSA							3	
EMAS	0	0	0	-	1	-	0	24
PERAK	1	2	0	0	3	-	0	
GANGSA	3	4	0	-	4	-	6	
EMAS	0	0	1	-	0	0	0	25
PERAK	0	1	0	-	1	0	0	
GANGSA	3	4	0	-	7	6	2	

RAJAH A

X LOMPAT KIJANG
XX BERMULA 1987

2.7 Antaranya faktor-faktor yang dikaitkan dengan kelemahan sukan keseluruhannya ialah:-


2.7.1 Ketiadaan tapak yang disebabkan masih kekurangan pengurusan terutama penyertaan / penglibatan yang aktif di kalangan masyarakat dan penaburan (distributor) kemudahan-kemudahan sukan, terutama bagi sektor "sukan untuk masyarakat";

2.7.2 Kurang berkesan kepimpinan dan kelemahan pengurusan terutama di kalangan pertubuhan/persatuan sukan kebangsaan yang disebabkan antaranya lain, kurang jelas (bertindih) peranan dan tanggungjawab dan khidmat yang tidak sepenuh masa;

- 2.7.3Kelemahan program kejurulatihan dari segi bilangan jurulatih, kelayakan / pengalaman dan bertugas secara sambilan;
- 2.7.4Kekurangan perancangan pembangunan yang saintifik tanpa kesinambungan antara satu sektor program dengan yang lain, termasuk perancangan tiap-tiap jenis sukan, dan tanpa penyelerasan yang berkesan; dan
- 2.7.5Kekurangan sumber kewangan di kalangan pertubuhan/persatuan sukan kebangsaan untuk pengurusan dan pelaksanaan program tanpa usaha mendapatkannya sendiri.

3. FALSAFAH HIDUP

- 3.1 Untuk membentuk sebuah masyarakat yang cergas, sihat dan kukuh dari segi fizikal dan mental – bersemangat dan berpendirian positif dalam hidup, berdisiplin dan BERDIKARI melalui penyertaan semua lapisan masyarakat secara aktif dan sukarela dalam seemua aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan fizikal dengan pegang kepada konsep kenegaraan, iaitu “Melayu Islam Beraja”.
- 3.2 Sukan merupakan satu aktiviti yang paling bekasan dan mempunyai potensi menolong seseorang itu memperolehi sebanyak-banyak keseronokan dan kepuasan dalam hidup, (quality of life) dan keperluan asas manusia.
- 3.3 Sukan juga adalah satu penglibatan pembangunan sosial melalui penyertaan beramai-ramai sama ada ahli keluarga, sahabat handai, masyarakat setempat dan masyarakat asing – semuanya mengamalkan pergaulan, persaingan yang sihat dan mengeratkan perhubungan sosial serta melahirkan masyarakat yang tidak mengasingkan diri.
- 3.4 Keperluan asas manusia merangkumi berbagai-bagai factor daripada keperluan fisiologi kepada kepuasan mutlak diri, seperti yang di gambarkan oleh Raja “B”.
- 3.5 Kemenfaatan dan sumbangan sukan kepada individu, masyarakat dan dunia antarabangsa dapat dirumuskan seperti berikut: -



1. Self Actualisation
2. Fisiologi = fungsi makhluk yang hidup

RAJAH “B” – Tangga-Tangga Keperluan Asas Manusia.

3.5.1 Di Peringkat Individu,

- Kepingkatan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal;
- Pembentukan sahsiah (Keperibadian) yang murni, kepercayaan serta bergantung kepada diri sendiri (berdikari) dan pendirian yang positif;
- Penggunaan masa lapang yang berguna serta bermanfaat;
- Kekurangan tekanan (stress) hidup modern;
- Semangat bergaul dan bersahabat antara individu;
- Peningkatan kemahiran melalui latihan dan persaingan; dan
- Peluang memenuhi keperluan asas manusia meencapai mutlak individu.

3.5.2 Di peringkat Masyarakat,

- Mengalakkan pembinaan kualiti mental masyarakat seperti semangat berdikari dan berdisiplin;
- Membina masyarakat yang sihat dan cergas dari segi fizikal, mental dan spiritual. Ini akan mendorong peningkatan produktiviti negara;
- Menimbulkan suasana untuk memupuk perhubungan dan penyatuan masyarakat di kalangan rakyat dan penduduk berbagai keturunan dan status sosial dan menghindarkan hidup berpuak dalam masyarakat;
- Mencegah jenayah dan aktiviti liar melalui penggunaan masa lapang yang berfaedah dan sebagainya; dan
- Mengalakkan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara melalui industri sukan, rekreasi dan pelancongan.

3.5.3 Di Peringkat Antarabangsa

- Mengeratkan hubungan muhibah serta persafahaman antara sebuah negara dengan lain ke arah keamanan dan kesejahteraan dunia; dan
- Mempertingkatkan mutu pencapaian individu dan kecermelangan melalui pertandingan antarabangsa yang menghasilkan kebanggaan diri, keluarga, bangsa dan negara.

4. TUJUAN SUKAN NEGARA

Tujuan sukan negara ialah:-

- 4.1 Untuk menggalak dan mewujudkan peluang dan kemudahan mempertingkatkan kemahiran dan kecermelangan individu dalam sukan di semua peringkat, termasuk antarabangsa;
- 4.2 Untuk mengalakkan semangat persaingan yang sihat dan muhibah melalui sukan di kalangan individu, kumpulan masyarakat dan antaarabangssa; dan
- 4.3 Untuk mengalakkan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara melalui penyertaan dan sumbangan si kalangan belia dan sukan.

5. RANCANGAN TINDAKAN STRATERGI (Strategic Action Plan)

Pembangunan Sukan

- 5.1 laksanakan serentak secara kesinambungan (continuum), terlaras dan bersepadu, bukan sahaja antara dua sektor sukan tetapi juga satu program dengan program yang lain dalam sektor berkenaan seperti di contohkan di bawah:-
- 5.2 Satu rancangan kasar peringkat awal (blueprint) yang meliputi tajuk-tajuk seperti (a) kepimpinan, (b) pengurusan, dan (c) sumber-sumber bagi tempoh lima tahun hendaklah disediakan untuk kedua-dua sector aktiviti dan tiap-tiap program seperti dalam Rajah C di bawah.



RAJAH C

Note: Rajah ini tidak memberi gambaran jumlah penyertaan.

- 5.3 Sektor “Sukan Untuk Masyarakat” amatlah penting dan hendaklah diberi keutamaan dan penekanan yang lebih daripada sektor “Sukan Prestasi Tinggi”. Ia bertujuan untuk mempertingkatkan penyertaan yang aktif di kalangan masyarakat dan untuk mengukuhkan asas aatau tapak ke arah melahirkan kemahiran bagi mencapai prestasi yang tinggi. Sebahagian besar daripada tujuan sukan negara yang tercapai melalui sektor “Sukan Untuk Masyarakat”.
- 5.4 Bagi pembangunan sektor “Sukan Prestasi Tinggi” yang mengandungi tiga program yang terkemuka, bakat (tidak keseluruhannya), pelapis dan elit, adalah wajar semua jenis sukan yang berjumlah lebih 30 dimajukan serentak tetapi hanya beberapa jenis sukan sahaja diutamakan. Pemilihannya hendaklah berdasarkan kepada factor-faktor tertentu, seperti mutu semasa dan potensi, persediaan dan perancangan dan mutu pengurusan persatuan termasuk teknikal.
- 5.5 Penyertaan atlit dan pasukan negara di kejohanan anjuran persekutuan sukan, seperti Sukan SEA hendaklah dihadkan kepada sukan yang boleh memperlihatkan mutu walaupun pendedahan di kalangan antarabangsa terus digalakan.

Kepimpinan

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

- 5.6 Antara rancangan tindakan strategi yang akan diutamakan ialah kepimpinan yang melibatkan struktur organisasi, pembahagian peranan, kuasa dan tanggungjawab di pihak Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan sukan.
- 5.7 Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus memimpin, menggalak dan membantu pembangunan da perkembangan sukan – tanggungjawab dalam perkara dasar dan penyelarasan.
- 5.8 Sebuah undang-undang mengenai sukan, iaitu “Brunei Darussalam Sports and Recreation Act” adalah dicadangkan. Antara perkara-perkara terkemuka ialah:-

- Peranan, kuasa dan tanggungjawab Menteri;
- Penubuhan sebuah Jabatan Sukan dan Rekreasi;
- Penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan Sukan; dan
- Penubuhan sebuah Yayasan Sukan Kebangsaan.

Kementerian Pendidikan

5.9 Kementerian Pendidikan mempunyai peranan dan tanggungjawab yang tidak kurang untuk pembangunan sukan negara (a) dasar pelajaran negara dapat memberi sumbangan dan pengalakkan kepada dasar sukan negara, (b) murid-murid sekolah dan penuntut institusi pelajaran tinggi merupakan kumpulan sasaran yang besar dan penting bagi program di kedua-dua sektor sukan dan (c) guru-guru merupakan sumber jurulatih dan pegawai yang penting.

5.10 Antara sumbangan Kementerian Pendidikan ialah: -

- Penggubalan kurikulum persekolahan yang menggalakkan perkembangan aktiviti sukan dan pendidikan jasmani;
- Penggubalan kurikulum latihan guru yang menggalakkan perkembangan pendidikan jasmani dan jurulatih;
- Perancangan dan pelaksanaan program mencukil bakat dan potensi ke arah kecemerlangan sebagai sebahagian daripada rancangan pembangunan sukan negara.
- Penubuhan "Pusat Cemerlang" bagi beberapa jenis sukan.
- Persediaan menubuhkan "Sekolah Sukan"; dan
- Penubuhan sebuah majlis sukan sekolah-sekolah bagi memperkemaskan pengurusan dan pelaksanaan program termasuk pertandingan di dalam dan di luar negeri.

5.11 Kementerian dan Jabatan Kerajaan hendaklah mempertingkatkan lagi usaha memajukan sukan dan rekreasi di kalangan pegawai dan kakitangan melalui program perancangan. Sebuah majlis penyelarasan sidang dan ditubuhkan.

Pertubuhan Sukan

5.12 Keberkesanan dasar sukan negara dan pelaksanaan program sukan, sebahagian besarnya, terletak ke atas persatuan-persatuan sukan kebangsaan. Selain daripada itu, pertubuhan dan kelab belia/sukan turut bertanggungjawab untuk mempertingkatkan pnyertaan.

5.13 Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sebagai anggota International Olympic Comitee dan memperjuangkan "semangat olimpik" dan menyelaraskan persatuan sukan kebangsaan mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk membangun dan memajukan sukan terutama kearah kecemerlangan. Dasar sukan Negara menekankan supaya majlis ini berfungsi lebih aktif menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Penubuhan pertubuhan sukan yang boleh memberi khidmat sokongan seperti persatuan sains dan persatuan jurulatih dan sebagainya hendaklah digalakan.

Pengurusan

5.14 Rancangan tindakan strategi hendaklah mewujudkan "professionalism" dan kecekapan dalam bidang pengurusan di kalangan sektor bukan Kerajaan seperti Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan persatuan Sukan Kebangsaan. Antara rancangan yang dicadangkan di bawah satu skim bantuan pengurusan sukan ialah: -

- 5.14.1 Menubuhkan sebuah unit khas di Kementerian atau di Jabatan untuk menyelaras perkara-perkara pengurusan dan teknikal dengan persatuan-persatuan pertubuhan sukan.
- 5.14.2 Pelantikan seorang setiausaha kerja sepenuh masa untuk kerja-kerja pentadbiran dan perancangan (sebagai permulaan beberapa persatuam sukan yang tertentu sahaja akan terlibat).

- 5.14.3 Menempatkan beberapa persatuan sukan kebangsaan secara satu kumpulan si sebuah “ Balai Sukan” atau “Sport House” yang menggunakan perkhidmatan guna sama kakitangan, alat kelengkapan pejabat, perkhidmatan penerbitan , perpustakaan dan lain-lain.

Kejurulatihan

- 5.15 Masaalah yang mendesak dalam pembangunan sukan tanahair ialah kejurulatihan, baik dari segi jumlahmahupun kelayakan dan pengalaman dan system persijilan yang seragam. Maka hendaklah ditubuhkan sebuah Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan anjuran Kerajaan untuk menyelaraskan dan membantu persatuan-persatuan sukan. Lembaga hendaklah mewujudkan satu kurikulum kejurulatihan dan skim persijilan yang diiktiraf bersama oleh Kerajaan dan persatuan sukan kebangsaan ke arah menjadikan kejurulatihan sebagai satu profesyen.

Kemudahan Sukan

- 5.16 Berbagai-bagai kemudahan sukan telah disediakan dan dirancang oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian/Jabatan, seperti Keementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan pihak berkuasa tempatan. Kemudahan-kemudahan ini pada keseluruhannya dapat memenuhi kehendak semasa. Walau bagaimanapun terdapat kelemahan darisegi penyelarasan penggunaan kemudahan-kemudahan tersebut yang menimbulkan keadaan penggunaan yang tidak maksima. Taburan (distribution) dan penyelenggaraan kurang mengalakkan kemajuan sukan terutama di sektor “Sukan

Untuk Masyarakat”.

- 5.17 Satu rancangan kasar peringkat awal (blueprint) untuk tempoh 20 tahun berkenaan kemudahan sukan hendaklah disediakan berpandukan kepada strategi kedua-dua sektor aktiviti sukan, serta merangkumkan rancangan yang sedia ada, yang mana sesuai.
- 5.18 Kementerian Kebudayaan, Bella dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan hendaklah berperanan sebagai penyelarasan bagi rancangan kemudahan sukan di sektor kerajaan dan di sektor bukan Kerajaan. Satu garispandu ke arah penyelarasan penggunaan hendaklah disediakan selepas perbincangan dengan agensi-agensi tuan punya/penyelenggaraan dan pihak pengguna seperti persatuan sukan kebangsaan.
- 5.19 Pihak berkuasa yang merancang pembangunan bandar dan desa dan alam sekitar hendaklah memasukkan rancangan kemudahan sukan dan rekreasi mengikut dasar, pawaian, spesifikasi yang ditetapkan oleh Kementerian Kebudayaan, Bella dan Sukan dan berpandukan “blueprint” yang disediakan.

Kewangan

- 5.20 Sehingga ini hampir keseluruhan sumber kewangan untuk pembangunan dan kemajuan sukan bergantung kepada sumber Kerajaan. Dasar Sukan Negara menekankan supaya lama-kelamaan dan setapak demi setapak semua program sukan dapat berdikari dan mempunyai sumber kewangannya sendiri dan semua program dapat diungkuayahkan tanpa masalah kewangan.

Yayasan Sukan

- 5.21 Sebuah Yayasan Sukan Negara (National Sports Foundations) dicadang ditubuhkan di bawah “Brunei Darussalam Sports and Recreations Act”sebagai sumber kewangan dan agensi pembangunan ekonomi belia dan sukan. Selain daripada pemberian pelancongan Kerajaan dan derma dan sumbangan daripada sektor swasta, sebahagian besar aset-aset Yayasan akan diperolehi daripada orang ramai, terutama masyarakat belia dan sukan melalui pembelian saham dan sebagainya.
- 5.22 Yayasan akan mengambil langkah-langkah menggalakan pertumbuhan ekonomi di kalangan belia dan sektor sukan seperti perlaburan, pembuatan (manufacturing) alat-alat sukan mengadakan kejohanan antarabangsa yang menggalakan pertumbuhan industri pelancongan dan “celebrity”.

Penggalakan (Insentif)

5.23 Usaha-usaha penggalakan kepada atlit, jurulatih dan pegawai hendaklah dipertingkatkan kerana ia amat penting untuk menggalakan kepimpinan dan meningkatkan kecermelangan. Antara insentif ini, ialah pemberian, perancangan, subsidi tahunan untuk pentadbiran bagi kelab dan persatuan belia dan sukan yang mempunyai program ke arah memajukan "Sukan Untuk Masyarakat",

hadiah kemenangan bantuan pekerjaan latihan di dalam dan di luar negeri, elaun "tution", cuti, biasiswa, peluang pekerjaan, anugerah, perlindungan insurans dan sebagainya. Penggalakan ini hendaklah juga diwujudkan untuk orang-orang cacat. Pihak sektor bukan Kerajaan, selain daripada menyokong tindakan Kerajaan, perlu juga menawarkan insentif untuk peningkatan mutu sukan di kalangan mereka.

5.24 Pemansuhan cukai import ke atas alatan sukan dan pertumbuhan industri sukan rekreasi dan pelancongan adalah satu daripada insentif yang akan menggalakan penyertaan masyarakat dalam sukan.

Biasiswa

5.25 Satu skim biasiswa sukan untuk atlit yang berpotensi akan dapat mempertingkatkan kemahiran dan kecermerlangan mereka sambil meneruskan peningkatan bidang akademik. Ia dapat mengikiskan andaian bahawa sukan itu satu factor negatif dan penghalang kepada kemajuan akademik seseorang. Adalah wajar juga diwujudkan satu skim latihan melalui hadiah biasiswa untuk pegawai-pegawai sukan, terutama dari golongan guru-guru untuk mempertingkatkan mutu kejurulatihan dan pengetahuan sukan.

6. PENUTUP

6.1 Yang terpenting dalam Dasar Sukan Negara yang dicadangkan ini ialah tujuan dan matlamat dan rancangan tindakan strategi untuk memastikan pencapaian dan keberkesanan segala dasar itu. Ia dilaksanakan atas sebab bahawa segala kegiatan sukan, baik sektor "Sukan Untuk Masyarakat" mahupun di sektor "Sukan Prestasi Tinggi" adalah sebahagian daripada rancangan pembangunan negara dalam konteks membina masyarakat yang bersukan, berdisiplin dan BERDIKARI yang menjadi teras kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

6.2 Dasar ini ialah untuk semua - melibatkan intitusi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat belia dan sukan di berbagai peringkat. Segala pengungkayahan pula merupakan satu persyarikatan atau "partnership" dikalangan ketiga-tiga intitusi yang besar ini dan semua pihak di bawah intitusi masing-masing. Walau bagaimanapun pada pokok pangkalannya, oleh sebab matlamat mutlak ialah membina masyarakat yang BERSATU DAN BERDIKARI maka kejayaan dasar sukan negara ini bergantung kepada rakyat dan penduduk yang mana secara langsung atau tidak langsung terlibat dengan dasar ini. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus memimpin, menggalak dan membantu sebagai ahli persyarikatan yang bertanggungjawab.